

Soalan No : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]

TARIKH : 6.4.2015

SOALAN :

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah atau penyelesaian yang akan diambil di dalam memastikan bahawa setiap sekolah tidak membebankan pihak ibu-bapa dengan pelbagai jenis yuran tambahan seperti yuran makmal komputer, yuran PIBG yang perlu dibayar mengikut bilangan anak dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi menyatakan maksud tatacara dan kaedah yang dibolehkan untuk sumbangan yang diberikan.

Manakala sumbangan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998. Penetapan kadar sumbangan diputuskan melalui Mesyuarat Agung Tahunan PIBG setiap

sekolah berdasarkan persetujuan oleh ibu bapa. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengingatkan kepada pihak sekolah agar kadar yuran PIBG yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung PIBG tersebut hendaklah munasabah, diterima sepenuhnya oleh ibu bapa agar tidak membebankan semua pihak.

RJM101

SOALAN (62)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 6 APRIL 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan untuk membantu golongan keluarga yang tidak mampu memiliki rumah sendiri terutama mereka yang tinggal di bandaraya yang terpaksa membayar sewa rumah yang tinggi dan di luar kemampuan mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bertujuan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar meningkatkan kualiti hidup disamping mengurangkan beban tanggungan keluarga.

Bagi membantu golongan keluarga yang tidak mampu memiliki rumah sendiri terutamanya mereka yang tinggal di bandaraya yang terpaksa membayar sewa rumah yang tinggi dan di luar kemampuan mereka KPKT telah melaksanakan **Program Bantuan Sewa Rumah (BSR)** yang bertujuan mengurangkan beban tanggungan keluarga dalam mendapatkan tempat kediaman yang lebih selesa dan selamat untuk didiami. Kadar BSR adalah sejumlah **RM124.00 sebulan.**

Kumpulan sasar adalah Ketua Isi Rumah (KIR) yang mempunyai ciri-ciri berikut :-

- (i) miskin tegar/ miskin
- (ii) berdaftar dan disahkan status kemiskinan dan eKasih atau Mesyuarat *Focus Group* mengenai Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah; dan
- (iii) menyewa rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa, rumah milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau rumah milik persendirian.

KIR yang menyewa rumah setinggan dan rumah sewa beli milik Kerajaan Negeri **TIDAK LAYAK** mendapat bantuan ini. BSR akan dibayar untuk tempoh 2 tahun sahaja, atau sehingga keluarga disahkan terkeluar daripada status miskin tegar/ miskin, mengikut mana yang terdahulu.

Selain daripada itu, Kementerian sedang dan terus melaksanakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa yang merupakan salah satu program utama kementerian bagi menempatkan setinggan dan memenuhi

keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah dengan jumlah pendapatan isi rumah di bawah RM2,500 sebulan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar sewaan bagi satu unit rumah PPR Disewa adalah RM124 sebulan termasuk kemudahan-kemudahan awam yang turut disediakan seperti dewan serbaguna, surau dan sebagainya.

Selain itu, terdapat inisiatif baru oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui program Rumah Transit 1Malaysia yang bertujuan memberi kemudahan perumahan untuk pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah.

Maklumat Program Rumah Transit 1Malaysia adalah seperti berikut :-

- (i) Kadar sewa ialah RM250 sebulan;
- (ii) Tempoh penyewaan adalah 2 tahun; dan
- (iii) Notis makluman untuk pengosongan rumah akan dikeluarkan kepada penyewa dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tamat kontrak.

Bagi peringkat permulaan, lokasi rumah transit adalah di PPr Bukit Jalil, Kuala Lumpur iaitu melibatkan 632 unit. Syarat-syarat kelayakan permohonan Rumah Transit 1Malaysia Kuala Lumpur:

- (a) Permohon dan pasangan adalah warganegara Malaysia;
- (b) Pemohon berumur 30 tahun dan ke bawah;
- (c) Pemohon tidak mempunyai rumah sendiri di Kuala Lumpur;
- (d) Pemohon bekerja di Lembah Klang;
- (e) Pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah; dan
- (f) Tiada rekod jenayah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU
TARIKH : 6 APRIL 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan anggaran kos projek pembinaan dua persimpangan bertingkat (*flyover*) di Jalan Lintas, Kota Kinabalu dan nyatakan kontraktor yang mendapat projek tersebut. Apakah perancangan Kerajaan di atas projek persimpangan bertingkat yang akan dibinakan di Kota Kinabalu khususnya di seluruh Outer Ring Road KK sepanjang 50km.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM262 juta bagi tujuan menaik taraf 2 persimpangan di Jalan Lintas, Kota Kinabalu. Skop projek ini termasuk juga menaik taraf jalan 6 lorong 2 hala sepanjang 6.3 kilometer mengikut piawaian reka bentuk JKR R5. Projek ini merupakan sebahagian daripada skop projek Jalan Lingkaran Luar Kota Kinabalu atau ‘Kota Kinabalu Outer Ring Road’ yang dilaksanakan secara berfasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf 2 persimpangan di Jalan Lintas, Kota Kinabalu itu baru sahaja memulakan pembinaan dan ia dijangka siap pada bulan Julai 2017. Pada masa kini kemajuan kerja di tapak ialah 3% dan masih mengikut jadual. Kontraktor terlibat ialah syarikat Pembinaan Azam Jaya Sdn Bhd. dengan harga kontrak semasa RM193 juta. Fasa-fasa Kota Kinabalu Outer Ring Road yang lain akan dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh RMKe-11 (2016 – 2020).

Sekian. Terima kasih.